

03 MAY 1999

DAIM-CLOB

SESIAPA SAHAJA BOLEH BERI CADANGAN BELI SAHAM DI CLOB, KATA DAIM

Oleh: Arshi Mohd Daud

BANGI, 3 Mei (Bernama) -- Sesiapa sahaja boleh memberikan cadangan bagi menyelesaikan isu saham-saham Malaysia yang dahulunya didagangkan di pasaran CBOT Singapura, kata Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin, hari ini.

Oleh kerana saham-saham ini berada di Singapura, sesiapa sahaja boleh membuat tawaran di Singapura, katanya kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerja di Persidangan Pegawai-Pegawai Daerah 1999 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Daim berkata ahli perniagaan Singapura Akhbar Khan adalah orang pertama yang menyerahkan cadangan membeli saham-saham yang dibekukan itu.

Orang lain juga boleh mencuba dan membuat cadangan mereka, katanya.

"Apa yang mereka perlu lakukan adalah membuat tawaran kepada rakyat Singapura. Jika mereka terima, terpulanglah kepada mereka," tambahnya.

Akhbar dilaporkan menawarkan untuk membeli saham-saham syarikat Malaysia di CLOB melalui Effective Capital Sdn Bhd.

Syarikat itu mercadang untuk membeli saham-saham pada harga premium 45 peratus daripada harga pasaran pada 15 Sept tahun lepas, iaitu hari terakhir dagangannya sebelum dibekukan.

Bagaimanapun, Daim menjelaskan bahawa kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai isu CLOB itu.

Apabila ditanya bilakah perkara itu akan diselesaikan, beliau berkata: "Tak tahulah saya." -- BERNAMA

AD JR